

Lebih 430,000 permohonan memasuki Program TVET

Nasional - Dicipta: 12 Jun 2025 02:08 PM



Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah serta Pengerusi Majlis TVET Negara Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi (tiga, kiri) melihat bahan pameran semasa mengadakan lawatan ke reruai sempena sambutan Hari Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) Negara 2025 di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC), Ayer Keroh / BERNAMA

AYER KEROH, 12 Jun - Kemasukan ke 1,398 Program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di Malaysia mencecah 436,285 orang setakat ini.

Perkara itu dimaklumkan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Beliau berkata, bagi permohonan bulan Julai yang akan ditutup pada 16 Jun ini, sebanyak 140,027 permohonan telah diterima menerusi platform UP_TVET.

"Saya juga ingin tahniah kepada 6 universiti yang menganggotai Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) yang menjurus ke arah mengambil pelajar dalam bidang teknikal dan teknologi.

"Insyaa-Allah pengambilan yang akan datang kita akan selaraskan semuanya bagi memenuhi cita-cita Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk mewujudkan seramai 60,000 jurutera-jurutera bagi syarikat-syarikat tempatan yang memerlukan jurutera dan tenaga mahir," kata Datuk Seri Dr Ahmad.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Perasmian Sambutan Hari TVET Negara 2025 yang disempurnakan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka, Ayer Keroh.

Menurut Datuk Seri Dr Ahmad, Majlis TVET negara juga mengambil tanggungjawab untuk membawa pelajar Maahad Tahfiz untuk menyertai TVET pada masa depan.

Pihaknya turut mengalu-alukan penglibatan mudir dan guru-guru mereka untuk menyertai TVET.